

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 3(7)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 08 TAHUN 2016**

**Tarikh** : **24 Ogos 2016 (Rabu)**

**Masa** : **10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**

**Tempat** : **Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**Kehadiran** : **Seperti di Lampiran A**

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 08/2016 dan seterusnya memaklumkan mengenai beberapa perkara berikut:

**2.1 KAYUHAN HARI MALAYSIA MPSJ-KPMC PUCHONG 2016**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan program '**Kayuhan Hari Malaysia MPSJ-KPMC Puchong 2016**'. Maklumat program adalah seperti berikut:

**Tarikh** : **3 September 2016 (Sabtu)**

**Masa : 7.30 pagi**  
**Tempat : KPMC Puchong Specialist Centre  
No. 1 & 3, Jalan Puteri 2/1, Bandar Puteri  
Puchong, Selangor Darul Ehsan**

Program kayuhan ini merupakan salah satu Program Sosial Korporat (CSR) yang dilaksanakan dengan kerjasama pihak KPMC Puchong. Yuran penyertaan adalah percuma dan setiap 300 penyertaan pertama akan mendapat t-shirt dan medal bagi yang berjaya menamatkan acara kayuhan ini. Berikut merupakan beberapa aktiviti yang turut diadakan bagi memeriahkan program kayuhan ini:

- a) Cabutan Bertuah
- b) Pemeriksaan Kesihatan Percuma
- c) Kempen Derma Darah
- d) Jualan Barangan Basikal

## **2.2 PROGRAM BOLING RAMAH MESRA DATO' YDP BERSAMA AHLI MAJLS, JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) DAN PeBT MPSJ 2016**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Boling Ramah Mesra Dato' YDP Bersama Ahli Majlis, Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan PeBT MPSJ 2016**. Maklumat program adalah seperti berikut:

**Tarikh : 17 September 2016 (Sabtu)**  
**Masa : 2.00 petang hingga 4.00 petang**  
**Lokasi : Sunway Mega Lanes, Aras 1, Sunway  
Pyramid**

Tujuan program ini diadakan adalah untuk sesi suaikenal di antara Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang baru dilantik

bersama dengan Dato' YDP dan Ahli Majlis, Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan juga kakitangan MPSJ terutama daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Program ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan komunikasi di antara JKP, PeBT dan warga kerja MPSJ dalam merangka program dan aktiviti yang akan dijalankan.

### **2.3 PROGRAM TOWN HALL MEETING SIRI 2/2016 BAGI DUN SERI KEMBANGAN**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program 'Town Hall Meeting'** DUN Kinrara yang melibatkan **JKP Zon 21 hingga Zon 24**. Maklumat program adalah seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>24 September 2016 (Sabtu)</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari</b>
<b>Lokasi</b>	<b>:</b>	<b>Kompleks 3K, Serdang Raya</b>

Program '*Town Hall Meeting*' merupakan medium komunikasi dua hala antara pihak Majlis dan masyarakat setempat untuk mengemukakan pandangan dan idea demi kepentingan bersama. Program ini dianjurkan adalah bertujuan:

- a) Medium penyaluran maklumat antara pihak Majlis dan komuniti;
- b) Mendapatkan maklumat berkenaan permasalahan dan aduan penduduk yang berkaitan untuk diselesaikan oleh pihak Majlis;
- c) Menggalakkan penglibatan dan penyertaan masyarakat di dalam aktiviti dan program kemasyarakatan anjuran MPSJ; dan
- d) Menyalurkan maklumat dan penerangan berhubung aktiviti, program dan dasar MPSJ kepada masyarakat.

## 2.4 PROGRAM MENEMBAK GAGAK MPSJ 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Menembak Gagak MPSJ 2016**. Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk menangani masalah kacauganggu gagak di kawasan pentadbiran MPSJ. Maklumat program adalah seperti berikut:

**Tarikh** : **24 dan 25 Sepetember 2016 (Sabtu dan Ahad)**

**Masa** : **3.00 petang hingga 8.00 malam**

**Tempat berkumpul** : **Lobi Aras 1, Ibupejabat MPSJ**

Program Menembak Gagak ini akan melibatkan kawasan berikut:

BIL.	KAWASAN
1.	SS14,SS15 ,USJ 11
2.	Taman Kinrara 2,4,5
3.	Lake Edge
4.	Putra Heights

## 2.5 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga minggu epid ke 33, MPSJ telah mencatatkan sebanyak **6,769 kes demam denggi** berbanding 7,660 kes pada tempoh yang sama pada tahun lalu.

Bilangan kes demam denggi ketika ini menunjukkan penurunan iaitu 153 kes pada minggu epid ke 33 dan 199 kes pada minggu epid yang sama pada tahun lalu. Pejabat Kesihatan Daerah Petaling (PKD) sedang merancang untuk meneruskan operasi

bersepadu bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) daerah Petaling yang dijangka akan disambung semula mulai minggu hadapan. Operasi bersepadu ini turut melibatkan agensi luar seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Tanah dan Daerah Petaling.

**Lokaliti hotspot demam denggi pada minggu epid ke 33 adalah berjumlah 18.** Pecahan mengikut zon adalah seperti berikut:

BIL	ZON	BILANGAN LOKALITI HOTSPOT
1.	Subang Jaya	2
2.	Kinrara	-
3.	Seri Serdang	9
4.	Seri Kembangan	7

## **2.6 LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN ISU SAMPAH HARAM**

Sehingga bulan Julai 2016 sebanyak 142 Notis Tawaran Kompaun (NTK) telah dikeluarkan dan 10 sitaan kenderaan telah dilakukan. Sebanyak 37 NTK dikeluarkan di bawah Seksyen 4 (kesalahan membuang apa-apa sampah di tempat awam), 65 NTK di bawah Seksyen 6 (kesalahan tidak menyediakan tong sampah di premis perniagaan) dan 40 NTK di bawah Seksyen 12 (kesalahan membuang buangan perindustrian dan buangan dagangan yang ditetapkan oleh Majlis).

Kesemua NTK ini dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil Pemungutan , Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPS) MPSJ 2007.

## **2.7 PENGIKTIRAFAN MPSJ SEBAGAI THE INTERNATIONAL GREEN WORLD AMBASSADOR 2016**

Inisiatif MPSJ memulihara dan meningkatkan kelestarian alam sekitar diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila dianugerahkan ***The International Green World Ambassador 2016*** oleh ***The Green Organization***. Majlis penganugerahan ini berlangsung di ***The Crystal, Royal Victoria Docks, London*** pada **8 Ogos 2016** yang lalu.

Pengiktirafan anugerah ***The International Green World Ambassador 2016*** ini merupakan kesinambungan pengiktirafan yang diterima MPSJ di peringkat negara dan antarabangsa di atas komitmen MPSJ membentuk sebuah komuniti dan bandar mampan seiring perancangan yang telah dibangunkan secara konstruktif di bawah Pelan Strategik MPSJ 2012-2030.

Anugerah ***The International Green World Ambassador 2016*** telah mengangkat MPSJ melalui inisiatif ***Green Collaboration-Community Edible Greens*** yang sebelum ini telah memenangi ***Anugerah Alam Sekitar Green Apple 2015*** di ***Westminster Palace, London***. Inisiatif ini bukan sahaja telah berjaya membawa komuniti untuk memanfaatkan tanah-tanah terbiar dengan hasil tanaman yang organik dan segar, bahkan melahirkan komuniti dan generasi yang cintakan alam sekitar serta membina semangat kejiranan yang kukuh dan harmoni. Lebih membanggakan lagi, projek ini kini dalam penilaian juri bagi merangkul ***The Green World Awards For the Environment 2016*** yang dijadualkan akan berlangsung di **Korea** pada Oktober ini.

Di samping mengharumkan nama negara di mata dunia, MPSJ bertekad untuk **terus menghasilkan inovasi-inovasi sosial yang signifikan** sebagai komitmen MPSJ selaku sebuah kerajaan tempatan yang inovatif dan dinamik serta merealisasikan hasrat komuniti menjadikan perbandaran ini sebagai sebuah **Bandar Hijau** pada tahun **2030**.

## **2.8 PERMOHONAN DIBUKA SEMULA BAGI LESEN PASAR MALAM TAHUN 2016 BERMULA BULAN OGOS 2016 HINGGA 30 SEPTEMBER 2016**

Permohonan lesen pasar malam dan pasar pagi telah dibuka semula bermula bulan Ogos 2016 setelah permohonan dibekukan sejak tahun 2014.

MPSJ telah melaksanakan program pemutihan di pasar malam bermula tahun 2015 bagi menyusun semula penjaja-penjaja disamping menguatkuasakan peraturan-peraturan bagi tujuan kawalan perniagaan.

Sepanjang program pemutihan sebanyak 100 penjaja telah di batalkan lesen dan sebanyak 158 lesen telah dikeluarkan kepada penjaja tanpa lesen.

Pembukaan permohonan ini dilaksanakan bagi memastikan tempat kosong diisi oleh penjaja disamping memberi peluang kepada penjaja-penjaja baru yang berhajat untuk berniaga di pasar malam.

Pemohon boleh memuat turun borang permohonan dari laman web rasmi Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan menghantarnya di kaunter bersepadu, ibu pejabat MPSJ. Dalam tempoh yang sama pihak Jabatan Pelesenan akan meneruskan tugas-tugas pemeriksaan, mengemaskini rekod penjaja pasar malam dan mengenalpasti petak kosong.

Selepas permohonan ditutup semula selepas 30 September 2016, setiap permohonan akan melalui proses temuduga bagi tujuan pengisian penjaja pasar malam.

## **2.9 CADANGAN PENGURANGAN PENGGUNAAN BEG PLASTIK DAN POLISTIRENA DI NEGERI SELANGOR**

Bermula 1 Januari 2017 Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk melaksanakan pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena di semua premis perniagaan .

Pelaksanaannya adalah seperti berikut :

1. Semua jenis perniagaan di Negeri Selangor tidak lagi dibenarkan untuk menyediakan beg plastik secara percuma.
2. Menghentikan penggunaan bekas makanan dan peralatan polistirena di semua premis termasuk premis makanan, pasar-pasar awam, pasar pagi dan pasar malam.
3. PBT diminta meletakkan syarat larangan penyediaan beg plastik secara percuma dan larangan penggunaan polistirena dalam syarat-syarat permohonan lesen dan permit berniaga.

Bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Selangor ini pihak MPSJ akan melaksanakan semua arahan yang diberi serta mengedar risalah-risalah berkaitan pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena melalui notis peringatan pembaharuan lesen kepada premis yang telah mempunyai lesen.

## **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 07/2016**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 07 Tahun 2016 yang telah diadakan pada 27 Julai 2016 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

## **4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

Tiada perkara berbangkit.



## 5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

### 5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.13/2016 bertarikh 2 Ogos 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.20 & m/surat 31	Encik Chang Kim Loong	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Meroboh Tempat Letak Kereta, Ballroom dan Restoran Japanese Serta Tambahan Dua Blok Hotel Suite 23 Tingkat dan Pengubahsuaian Ke Atas Hotel Grand Dorsett.  Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC MPSJ Bil. 13/2016 - <b>TANGGUH</b>	Beliau meminta pandangan daripada Ahli Mesyuarat untuk menerima keputusan Mesy Jawatankuasa OSC tersebut atau menolak permohonan yang dikemukakan pemohon kerana perkara ini telah dibawa ke Mahkamah Rayuan.  <b><u>Maklumbalas</u></b>  Y.Bhg Dato Yang Dipertua memaklumkan supaya menerima keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 13/2016 sehingga Mahkamah Rayuan membuat keputusan.

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 14/2016 bertarikh 17 Ogos 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.11 & m/surat 59	Encik Yap Kok Weng	Rayuan Permohonan Kelulusan Nama Bangunan (Pelan Alamat) Yang Telah Diluluskan Bagi Cadangan Pembangunan Pangsapuri Perkhidmatan oleh YGS Property Sd. Bhd.	Beliau meminta penjelasan berhubung keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 14 yang menolak permohonan rayuan tersebut.  <b><u>Maklumbalas</u></b>  Y.Bhg Dato Yang Dipertua memaklumkan menerima keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 14/2016 kerana nama yang dipohon tiada kamus.
2.	Para 4.11 & m/surat 44	Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh	Cadangan Membina Sebuah Kilang 3 Tingkat Beserta Pejabat di atas Lot 3463, Taman Paik Siong, Mukim Petaling, Selangor	Beliau memohon supaya pihak Majlis memberi tumpuan terhadap sistem perparitan di kawasan pembangunan bagi mengelak masalah banjir berlaku.  <b><u>Maklumbalas</u></b>  Y.Bhg Dato Yang Dipertua memaklumkan bahawa

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				MPSJ sentiasa memberi fokus terhadap isu sistem perparitan.
3.	Para 5.6 & m/surat 53	Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh	Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Bagi Cadangan Pembangunan Kondominium oleh Glenmarie Puchong Sdn. Bhd.	Beliau memohon kepada pihak Majlis memberi tumpuan terhadap isu kesesakan lalulintas di kawasan pembangunan.  <b><u>Maklumbalas</u></b>  Y.Bhg. Dato Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi mengatasi masalah kesesakan di kawasan tersebut.

### 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat Bil. 6/2016 bertarikh 10 Ogos 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### 5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 7/2016 bertarikh 10 Ogos 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.6 & m/surat 8	Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh	Balai Masyarakat Jalan TK 2/14, Taman Kinrara Seksyen 2	<p>Beliau meminta penjelasan berhubung keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan yang memaklumkan supaya Pejabat Daerah dan Tanah Petaling membawa isu balai masyarakat yang tiada dokumen ke mahkamah bagi tujuan pengesahan.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Y.Bhg Dato Yang Dipertua memaklumkan bahawa cadangan ini diputuskan kerana pihak Majlis masih belum menerima sebarang maklumbalas berkaitan permohonan pengambilalihan daripada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling berhubung balai-balai masyarakat yang tiada dokumen termasuk Balai Masyarakat Jalan TK2/14, Taman Kinrara Seksyen 2.</p>
2.	Para 3.6 & m/surat 8	Encik Wan Hock Leong	Balai Masyarakat Jalan TK 2/14, Taman Kinrara Seksyen 2	Beliau mencadangkan agar pihak Majlis memberi maklumat berkaitan inventori serta dokumen-dokumen mengenai balai

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				masyarakat kepada Ahli Majlis sebagai makluman dan rujukan.

### 5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 7/2016 bertarih 12 Ogos 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.3 & m/surat 20	Encik Chang Kim Loong	Notis Tawaran Kompaun	Beliau mencadangkan agar pihak Majlis mengambil tindakan secara efektif terhadap tunggakan notis tawaran kompaun yang belum dijelaskan.  <b><u>Maklumbalas</u></b>  Y.Bhg Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa laporan berkaitan perkara ini dibentangkan dalam Mesyuarat Pemantauan Hasil.
2.	Para 6.4 & m/surat 21	Encik Stephen Chin Sou Bong	Setia Sales Gallery	Beliau memohon penjelasan mengenai status Setia Sales Gallery.  <b><u>Maklumbalas</u></b>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa, hasil daripada lawatan dan pemeriksaan yang telah dijalankan didapati galeri tersebut tidak selamat untuk diduduki. Sehubungan itu, Y.Bhg Dato' mencadangkan supaya galeri tersebut dirobohkan.

#### 5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 7/2016 bertarikh 15 Ogos 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

#### 5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 7/2016 bertarikh 16 Ogos 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/surat 6	Encik Jaber bin Ami	Peniaga Tanpa Izin Bukan Warganegara di Pasar Borong Selangor	Beliau meminta penjelasan berhubung tindakan yang diambil bagi menangani permasalahan peniaga tanpa izin bukan warganegara di Pasar Borong Selangor.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan pihak Majlis telah mengambil beberapa tindakan bagi mengatasi masalah tersebut. Tindakan yang diambil adalah seperti berikut:</p> <p>a) Penubuhan 'task force' di antara MPSJ dan agensi berkaitan seperti PKPS dan PDRM.</p> <p>b) Perjumpaan bersama pemegang lesen pasar borong.</p> <p>Pengarah Pelesenan, turut memaklumkan perbincangan bersama PKPS akan diadakan pada 1 September 2016 bagi membincangkan isu tersebut.</p>
2.	Para 3.4 & m/surat 8	Encik Jaber bin Ami	Kaji Semula Polisi Kerusi Meja	<p>Beliau meminta pihak Majlis mengkaji semula polisi kerusi meja di atas tempat letak kereta untuk premis restoran.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Pengarah Penguatkuasa memaklumkan bahawa hasil kajian berhubung perkara tersebut akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan pada bulan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Oktober.
3.	Para 9.11 & m/surat 30	Ir. Izham bin Hashim	Cadangan Permohonan Baru Lesen Perniagaan Pusat Siber / Kafe Siber	Beliau mencadangkan agar pihak Majlis dapat mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi membanteras kegiatan pusat siber yang menimbulkan gejala sosial kepada masyarakat setempat.

### 5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 5/2016 bertarikh 17 Ogos 2016

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### 5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 7/2016 bertarikh 18 Ogos 2016

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.9 & m/surat 10	Puan Norzaihan binti Ismail	Tasik Sri Aman	Beliau mencadangkan agar pihak Majlis menubuhkan unit 'task force' bagi memantau dan memelihara tasik-tasik di dalam kawasan pentadbiran MPSJ.



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan pihak Majlis telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memantau tasik di kawasan MPSJ.</p>

## **6.0 PENUTUP**

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **September 2016** akan diadakan pada **26 September 2016 (Isnin)** jam 10.00 pagi.

**'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(RUBAIZAH BINTI MOHAMED NOH),**  
Timbalan Pengarah  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN),** D.P.M.S., S.M.S.  
Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, D.P.M.S, S.M.S<br>Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi   |
| 2.  | Encik Pooi Weng Keong   | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Tuan Hj. Jaber bin Ami  | - | "           |
| 4.  | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir   | - | "           |
| 5.  | Encik Stephen Chin Sou Bong   | - | "           |
| 6.  | Encik Tai Cheng Heng  | - | "           |
| 7.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "           |
| 8.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "           |
| 9.  | Encik Yap Kok Weng  | - | "           |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh  | - | "           |
| 11. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan                                      | - | "           |
| 12. | Ir. Izham bin Hashim  | - | "           |
| 13. | Encik Wan Hock Leong, P.J.M, P.P.A  | - | "           |
| 14. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi  | - | "           |
| 15. | Puan Norzaihan binti Ismail   | - | "           |
| 16. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy   | - | "           |

- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 17. | Puan Sharmazira binti Md Sharif         | - | " |
| 18. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | " |
| 19. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 20. | Puan Kavitha a/p Chandragesen           | - | " |
| 21. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu         | - | " |
| 22. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N.           | - | " |
| 23. | Puan Wong Siew Ki                       | - | " |

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                          |   |             |
|----|--------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | Ahli Majlis |
|----|--------------------------|---|-------------|

#### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar  
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Encik Ismail bin Muhamad  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

6. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
7. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
8. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Puan Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
10. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari  
Pengarah, Jabatan
12. Encik Fadzli bin Zubi  
Pengarah, Jabatan OSC
13. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
14. Puan Noraziah binti Ali  
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
15. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
16. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Pegawai Integriti, Unit Integriti
17. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan  
Pengarah, Jabatan COB
18. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap

19. Encik Ahmad bin Hasan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
20. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
21. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
22. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
23. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
24. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
25. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
26. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
27. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
28. Encik Samsudin bin Ayob  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
29. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
30. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
31. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

32. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
33. Encik Mohd Saidi bin Alang  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
34. Cik Hasniza binti Husin  
Penolong Pengarah, Jabatan
35. Encik Mohd Kamil bin Basir  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
36. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
37. Puan Zalmah binti Yahya  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
38. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
39. Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
40. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
41. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
42. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
43. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
44. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan  
Pembersihan Awam

45. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim  
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
46. Cik Nadia binti Muhamad Amin  
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
47. Encik Mohamad Junus bin Baharom  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
48. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa  
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
49. Puan Diana binti Muhamed Daim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
50. Puan Siti Mahirah binti Sidik  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
51. Puan Salihah binti Ramli  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
52. Dr. Nurnawwar binti Arpaaii  
Pegawai Perubatan, Jabatan Kesihatan

### **URUS SETIA**

1. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan